Jumaat, Mac 08 2019

# SIARAN MEDIA
# KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

### HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOH 9 MAC 2019 SEHINGGA 15 MAC 2019




Berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM), harga runcit produk petroleum bagi tempoh 9 Mac 2019 sehingga 15 Mac 2019 adalah ditetapkan seperti berikut:

1. harga runcit petrol RON97 naik sebanyak 3 sen seliter iaitu daripada RM2.43 seliter kepada RM2.46 seliter;
2. harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.08 seliter; dan
3. harga runcit diesel kekal pada paras RM2.18 seliter.

Berdasarkan pengiraan di bawah formula APM, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh 9 Mac 2019 sehingga 15 Mac 2019 sepatutnya adalah sebanyak RM2.16 seliter dan RM2.38 seliter masing-masing.

Namun begitu, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh di atas adalah dikekalkan pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter, berikutan keputusan Jemaah Menteri untuk menyekat kenaikan harga runcit produk petroleum demi mengurangkan bebanan kewangan rakyat. Kerajaan akan terus komited dalam melaksanakan dasar penstabilan harga runcit produk petroleum yang memberi manfaat kepada rakyat.

**Sayangi Malaysiaku!**

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
8 Mac 2019

Like Be the first of your friends to like this.